

Menghasut rakyat bencikan kerajaan sekarang

# PM selar pendedar risalah haram..

KUALA LUMPUR, Rabu — Perdana Menteri hari ini mendedahkan kegiatan segelintir orang persendirian yang menyebarkan risalah haram bertujuan menimbun keyakinan perkauman supaya rakyat membenci kerajaan campuran sekarang.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Kabinetnya di sini hari ini, risalah yang diharamkan oleh polis sejak menjelang pilihanraya umum 1978 itu kini semakin meluas disebar dengan tokok-tambah seperti isu Universiti Merdeka dan Jawatan Timbalan Perdana Menteri Kedua.

## Merebut kuasa

Katanya, risalah itu juga kini disebarikan kepada pelajar Malaysia di luar dan dalam negeri serta golongan masyarakat Melayu.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata: "Risalah ini disebarikan secara meluas di seluruh negara dan ditujukan khususnya kepada masyarakat Melayu.

"Risalah ini mula diedar sejak 1978 sewaktu pilihanraya. Kononnya risalah ini asalnya

ditulis oleh kumpulan orang-orang Cina yang berhasrat merebut kuasa di Malaysia dan mendesak orang-orang Cina supaya bersatu padu untuk merebut kuasa bagi pihak mereka.

"Risalah ini kemudiannya jatuh ke tangan orang Melayu dan seterusnya diterjemah serta diedarkan kepada semua orang Melayu dengan arahan supaya ia disalin dan diedarkan dengan lebih luas lagi.

"Tujuan risalah ini ialah untuk membangkitkan perasaan benci antara orang Melayu dengan Cina di Malaysia. Dengan perkataan lain, ia cuba menimbulkan sentimen perkauman yang akan membawa kepada perpecahan perpaduan di negara ini."

Menurut Perdana Menteri, pihak polis telah pun mengharamkan risalah itu sejak 1978. Bagaimanapun, ia terus diedar dari tangan ke tangan dengan beberapa tambahan, seperti soal Universiti Merdeka dan Timbalan Perdana Menteri Kedua.

"Kini risalah ini juga dihantar kepada penuntut-penuntut kita di dalam dan luar negeri untuk membangkitkan kebanggaan di kalangan mereka.

"Ia bertujuan agar timbul perasaan benci kepada kerajaan yang ada sekarang lalu kera-

jaan campuran dan kita tahulah apa tujuannya dari segi politik iaitu supaya rakyat jangan menyokong parti yang mendapat kerjasama semua kaum di negara ini.

"Saya ingin memberi amaran lalu mana-mana pihak yang didapati mengedarkan risalah ini, pihak polis akan mengambil tindakan yang keras terhadap mereka," tambah beliau.

## Perasaan benci

Perdana Menteri juga menegaskan, beliau sentiasa menerima risalah itu yang telah ditokok-tambah dari masa ke semasa.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kemudian mengesahkan pelajar Malaysia di seberang laut supaya bekerjasama dengan kerajaan yang berusaha mendapatkan maklumat mengenai diri mereka untuk memastikan sama ada universiti kenam perlu diwujudkan tidak lama lagi.

Kajian itu juga bertujuan membantu kerajaan membuat keputusan sama ada universiti-universiti tempatan sekarang perlu diperbesar ataupun wajar bagi pemerintah membawa masuk tenaga pengajar dari luar untuk melatih rakyat negara ini.

Perdana Menteri berkata, jika pelajar di seberang laut itu enggan bekerjasama, mereka tidak wajar menyalahkan kera-

jaan sekiranya mereka tidak dapat layanan oleh pemerintah di kemudian hari.

"Saya harap setiap pelajar di luar negeri akan memberi kerjasama sepenuhnya kepada kajian ini. Jangan ada penuntut yang tidak mahu memberitahu maklumat tentang dirinya.

"Kalau penuntut-penuntut tidak memberi kerjasama, mereka tidak boleh menyalahkan kerajaan kalau mereka tidak mendapat layanan kerajaan kelak dalam apa juga tindakan ataupun kemudahan yang disediakan," tambah beliau.

Ketika ditanya siapakah yang akan mengendalkan kajian penuntut ini, Perdana Menteri menegaskan, Kementerian Pelajaran akan menjadi sekretariat kajian, sementara kesemua agensi kerajaan termasuk Kedutaan dan Jabatan Pelajar Malaysia di seberang laut akan membantu dalam pengumpulan maklumat yang diperlukan.

Antara perkara yang diperlukan ialah mengenai jenis pelajaran yang diikuti dan jumlah bilangan yang diperlukan.

Ketika ini ramai pelajar Malaysia termasuk pelajar yang dihantar oleh kerajaan dan juga secara persendirian atau pun mendapat biasiswa agensi kerajaan, sedang menuntut di luar negeri.